



KHUTBAH KHAS SEMPENA MAULIDUR RASUL TAHUN 2021 “RASULULLAH: KASIHMU KAMI DAMBAKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ , فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Tuan-tuan Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

1. Hari Jumaat ialah penghulu segala hari yang tersingkap padanya tirai rahmat dan pintu maghfirah yang tiada tepi. Kita sebagai hamba-hambanya yang dhaif lagi mengharapakan limpahan keampunannya selayaknya berlumba-lumba mengambil peluang di hari mulia ini, untuk menanam sifat taqwa di penjuru hati kita. Untuk itu, bertaqwalah kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, melaksanakan segala perintahNya serta meninggalkan segala tegahanNya. Hanya mereka yang tersemat kukuh di hati mereka sifat taqwa akan menikmati nilai kesyukuran yang sebenar, seterusnya beroleh ganjaran syurga yang kekal abadi sepertimana dijanjikan di hari pembalasan kelak.
2. Bersempena kita memperingati hari kelahiran kekasih Allah SWT yang mulia, serta kehadiran Baginda SAW membawa sinar rahmat menerangi seluruh alam dunia marilah kita menghayati khutbah bertajuk : **“Rasulullah: Kasihmu Kami Dambakan”**.

Tuan-tuan, Sidang Hadirin Para Pencinta Rasulullah SAW Sekalian,

3. Cinta adalah kalimah mulia membawa makna perasaan sayang yang mendalam, meliputi hati seseorang terhadap individu yang dikagumi. Perasaan ini secara semulajadi akan bertindak mempengaruhi perasaan, tingkah laku, jiwa, malah pegangan hidup. Apabila cinta telah bertaut di dalam hati seseorang, maka akan lahir kesanggupan melakukan pengorbanan harta benda, masa, hatta nyawa, demi mengejar keredhaan kekasih hati. Alangkah indahnyanya dan bahagianyanya hidup ini terasa, jika perasaan yang sama turut dirasakan oleh individu yang dirindui.

4. Hubungan kita dengan Rasulullah SAW, adalah hubungan kudus, yang bukan hanya terhenti sekadar dalam kontek amalan ibadah harian dan ruang hidup fizikal di dunia semata-mata, malah kasih kepada Rasulullah SAW adalah kunci utama untuk jaminan memperolehi ganjaran syurga yang dijanjikan oleh Allah SWT. Tiada contoh yang paling terbaik untuk kita hidangkan darihal sifat kasihnya umat kepada Rasulullah SAW, melainkan contoh kasih para sahabat kepada Rasulullah SAW. Tahap kasih para sahabat kepada Rasulullah SAW menjadi suri tauladan untuk diikuti oleh umat di akhir zaman, agar mereka dipimpin dengan ketinggian tahap cinta mereka kepada Rasulullah SAW, yang melebihi kasih mereka kepada ibu bapa, ahli keluarga mereka, malah melebihi cinta kasih mereka kepada diri mereka sendiri. Cinta mereka yang melangit tingginya kepada Rasulullah SAW merupakan interpretasi unggul yang lahir dari cahaya iman yang sempurna, penyaksian syahadah yang sebenar, ianya boleh dinukilkan melalui kisah Saidina Umar Ibnu Khattab. Satu hari Saidina Umar Ibnu Khattab telah berjumpa dengan Rasulullah SAW lalu meluahkan isi hatinya yang ikhlas berbunyi :

" وَاللَّهِ لَأَنْتَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي . فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْآنَ يَا عُمَرُ "

Yang bermaksud :

“Demi Allah, sesungguhnya dirimu ya Rasulallah terlebihlah daku mengasihi melebihi dari diriku sendiri, maka berkata Nabi Muhammad SAW, sekarang sempurnalah imanmu wahai Umar”.

5. Para sahabat sentiasa mendokong perjuangan dakwah di belakang Rasulullah SAW melalui pengorbanan harta benda, masa, ahli keluarga, hatta nyawa dengan berteraskan semata-mata atas rasa cinta dan ikhlas yang tiada tolok bandingnya. Hidup mereka sering bersama Rasulullah SAW serta berkongsi kesusahan dan kesenangan dalam menghadapi apa jua rintangan yang menghalang gerak kerja dakwah. Kenikmatan dunia yang sedikit ini tidak pernah menjadi alasan untuk mereka lalai dalam memberi fokus terhadap penyebaran dakwah Islamiyyah bersama Rasulullah SAW. Malah seluruh kenikmatan dunia yang mereka miliki terus dikorbankan dan dibelanjakan demi kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Tuan-tuan, ummah Rasulullah SAW sekalian,

6. Maulidur Rasul Tahun 2021 yang bakal diraikan di semua peringkat pemerintahan hendaknya mampu memacu hati dan perasaan kita, untuk membuktikan cinta kepada utusan Allah SWT ini. Setiap dimensi perjuangan kita dalam menunaikan tanggungjawab sebagai anggota ATM perlu disuburkan dan diselarikan dengan kecintaan kepada Rasulullah SAW melalui pelaksanaan tugas dan amanah dengan jujur dan ikhlas, lantaran Rasulullah SAW memuji dan memberi pengiktirafan kepada setiap umatnya yang melaksanakan bebanan tanggungjawab menjaga keamanan, keselamatan dan kemakmuran negara melalui sabdanya yang berbunyi :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَيْنَانِ لَا تَمَسُّهُمَا
النَّارُ عَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَعَيْنٌ بَاتَتْ تَحْرُسُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Yang bermaksud :

Dari Ibnu Abbas ia berkata; “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda; “Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka iaitu; mata yang menangis kerana takut kepada Allah SWT dan mata yang pada malam hari berjaga kerana berkhidmat untuk Negara dan berkorban membela agama Allah”

7. Penugasan yang dilaksanakan dengan rasa amanah dan tekun adalah umpama jambatan kukuh, yang membawa setiap warganya untuk menggapai tahap cinta yang sebenar kepada Rasulullah SAW. Penugasan kita di semua peringkat Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara adalah sebahagian dari ibadah yang sepatutnya dijadikan wasilah bernilai untuk menimba kebajikan dan amal soleh, melalui mutu kerja yang cemerlang dan integriti yang tinggi. Setiap pengorbanan yang dicurahkan nescaya akan diganjar dengan kebajikan yang setimpal di sisi Allah SWT.

8. Perlaksanaan tugas dan misi yang tidak terurus, longgar serta menampakkan elemen kecuai amatlah bertentangan dengan prinsip bekerja dalam Islam seterusnya memberi impak negatif. Justeru berusaha kita untuk memberikan perkhidmatan terbaik, lantaran yang baik itu adalah dari ajaran, amalan serta suruhan Baginda Rasulullah SAW. Sesiapa yang taat kepada Rasulullah SAW pada hakikatnya ia telah taat kepada Allah SWT – *مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ*

Tuan-tuan Para Ahli Jemaah yang Dirahmati dan dihormati sekalian.

9. Marilah kita mengambil pengajaran dari khutbah yang disampaikan ini iaitu:

a. Kasihkan Rasulullah SAW perlu dijadikan ramuan asas dalam kita menjalani kehidupan sebagai seorang warga tentera, ketua keluarga dan ahli masyarakat.

- b. Cintakan Rasulullah SAW adalah wasilah yang paling dekat untuk memperoleh kasih Allah SWT.
- c. Cintakan Rasulullah SAW wajar diaplikasikan dalam kehidupan harian setiap individu muslim melalui pengamalan setiap ajaran yang dibawa Baginda SAW.
- d. Untuk mendapatkan syafaat Rasulullah SAW di hari akhirat kelak maka bermula di dunia ini lagi individu muslim perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai Qudwah Hasanah yang perlu diikuti.
- e. Bukti jelas yang menzahirkan cinta seseorang individu muslim yang hakiki kepada Rasulullah SAW ialah dengan mendokong dan memperjuangkan amanah Rasulullah SAW sepanjang kehidupan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَمَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا
نَجَاةَ التَّائِبِينَ